

15/09/1997

Pasaran saham terus pulih

BURSA Saham Kuala Lumpur (BSKL) diunjurkan bergerak ke arah pemulihan minggu ini berbanding minggu sebelumnya dengan sentimen positif menyerap secara perlahan berikutan dasar fiskal negara yang semakin meyakinkan.

Di penutup minggu lalu, petunjuk utama - Indeks Komposit naik 17.91 mata untuk ditutup pada 852.08 setelah menjunam lebih 20 mata pada pertengahan minggu.

"Mungkin penjualan akan berterusan minggu ini tetapi selagi Indeks Komposit kekal di atas paras 800 mata, tiada apa yang harus dibimbangkan," kata seorang pengurus dana asing.

Sepanjang minggu lalu, Indeks Komposit melonjak 30.49 mata kepada 852.08, Indeks Emas untung 11.70 mata kepada 242.88, Indeks Papan Kedua melonjak 44.90 mata kepada 445.91 manakala Indeks Perusahaan naik 89.82 mata kepada 1,747.40.

Seorang penganalisis pasaran berkata, urusan niaga dijangka kekal turun naik minggu ini tetapi ia juga bergantung kepada faktor luaran seperti prestasi di Wall Street.

Petang Jumaat lalu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengadakan perbincangan dengan pengurus dana tempatan dan asing sebagai susulan kepada beberapa pertemuan sebelum ini dan pertemuan itu sekali lagi diadakan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir di ibu negara semalam.

Menurutnya, langkah kerajaan itu akan membantu memulihkan pasaran dalam usaha mengembalikan keyakinan pengurus dana asing yang selama ini dibelenggu "kekeliruan" mengenai pelbagai dasar fiskal negara.

"Sekurang-kurangnya kerajaan dapat menjelaskan keadaan ekonomi mikro bagi menghapus tanggapan negatif yang mencengkam pemikiran pelabur asing," katanya.

Namun kata beliau, ia mungkin mengambil masa sedikit untuk mengembalikan keyakinan penuh pengurus dana asing kerana mereka ingin melihat perkembangan lanjut dasar fiskal negara apabila Belanjawan 1998 dibentangkan oleh Anwar pada 17 Oktober nanti.

Indeks Komposit naik 7.1 peratus Isnin lalu dan terus meningkat satu peratus keesokan harinya. Pelabur mengambil kesempatan dalam kegiatan pembelian, dengan indeks komposit jatuh dua peratus pada Rabu dan menurun 3.3 peratus lagi pada Khamis lalu di sebalik langkah kerajaan untuk mengekang import dan mengurangkan akaun defisit semasa.

Namun, Jumaat lalu, ia naik semula 2.1 peratus setelah mencecah tahap terendah seharian pada 814.46 apabila belian yang banyak daripada dana tempatan terhadap kaunter mewah dalam keadaan tekanan jualan semakin menurun.

Pelabur yang mencari saham murah membeli saham yang turun harga manakala sedikit arahan belian oleh dana asing kelihatan datang dari Hong Kong, Singapura dan London.

Peniaga berkata, ia merintis jalan untuk prospek pasaran lebih baik minggu depan dan aliran kenaikan itu dijangka berterusan sebelum mengendur sedikit pada pertengahan minggu.

"Sebenarnya, sentimen di pasaran masih menunggu perkembangan lanjut langkah kerajaan seterusnya bagi mengurangkan akaun defisit semasa. Mereka lebih suka melihat pelaksanaan segera arahan kerajaan seperti memotong perbelanjaan," kata seorang pakar ekonomi tempatan.

(END)

